



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

11 September 2020

Biasiswa PNB Penuhi Impian 23 Pelajar Cemerlang *Program biasiswa luar negara fokus utama CSR*

Kuala Lumpur, 11 September 2020: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini meraikan 20 penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan tiga penerima Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) yang bakal melanjutkan pelajaran peringkat sarjana muda di beberapa buah universiti terkemuka di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Pelajar kumpulan ke-22 ambilan tahun 2018 ini terdahulu telah mengikuti pengajian persediaan di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) di Lembah Beringin, Perak selama dua tahun dan telah memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan A-Level masing-masing.

Program Biasiswa Luar Negara PNB merupakan fokus utama aktiviti Tanggungjawab Sosial atau CSR PNB di bawah kategori Pendidikan. Mula diperkenalkan pada tahun 1996, Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB memberi peluang kepada pelajar cemerlang dalam peperiksaan SPM untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia. Biasiswa diberikan untuk bidang yang menumpukan pada disiplin yang berkaitan dengan portfolio perniagaan PNB seperti perakaunan, kewangan, undang-undang, matematik, sains aktuari dan kejuruteraan.

Manakala Anugerah Biasiswa Perdana YTI pula diperkenalkan pada tahun 2000 dan khusus untuk pelajar lepasan A-Level atau setara yang telah mendapat tempat di universiti terkemuka utama seperti University of Oxford, University of Cambridge, Imperial College London, University College London dan London School of Economics and Political Science di United Kingdom atau Harvard College, University of California, Los Angeles (UCLA) dan University of Chicago di Amerika Syarikat.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkata, "Inisiatif PNB di bawah teras pendidikan ini bertujuan menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi kepada pelajar cemerlang bagi membangunkan tenaga kerja mahir untuk menyokong

pertumbuhan PNB di masa hadapan. Inisiatif ini juga mendukung hasrat untuk membina barisan pemimpin masa depan yang berkaliber untuk PNB dan juga negara. Menerusi biasiswa ini, kami berbesar hati dapat memberi peluang kepada para pelajar tajaan PNB untuk mencapai matlamat pendidikan dan cita-cita hidup mereka.”

Salah seorang penerima biasiswa, **Mohamed Aqil Azmi**, bekas pelajar Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam, yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran di Harvard College, Amerika Syarikat dalam bidang Matematik dan Falsafah, melahirkan rasa syukur atas kejayaan mendapat tempat di universiti berprestij ini bersama pelajar-pelajar pintar lain dari seluruh dunia.

“Penat lelah saya selama ini membuahkan hasil, selain usaha yang bersungguh-sungguh, doa dan restu ibu bapa turut mengiringi kejayaan ini. Saya berterima kasih kepada PNB kerana memberi peluang dan memudahkan perjalanan saya untuk mencapai matlamat pendidikan tinggi dan impian saya. Saya bertekad untuk membalas jasa dan menyumbang kepada PNB dengan ilmu yang diperoleh setelah tamat belajar kelak,” tambah Mohamed Aqil yang merupakan pelajar tajaan PNB yang pertama terpilih untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana muda di Harvard College.

Seorang lagi penerima biasiswa, **Muhammad Taufiq Afifi Saidi**, bekas pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kota Putra, Besut, Terengganu, berkata usaha tekun berterusan serta dorongan dari keluarga selama ini membuahkan hasil apabila ditawarkan untuk mengikuti pengajian dalam bidang Ekonomi di London School of Economics and Political Science, United Kingdom.

“Saya dan keluarga bersyukur kerana biasiswa PNB akan menampung segala kos pengajian dan sara hidup, apatah lagi di Kota London yang sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang tinggi,” katanya. “Insya Allah, saya akan menggunakan peluang ini sepenuhnya dan berazam akan memenuhi tanggungjawab sebagai pelajar tajaan PNB untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan di menara gading.”

Menyedari persaingan sengit untuk mendapat tajaan biasiswa bagi pengajian di universiti terkemuka luar negara, **Amira A'lya Shaharim** teruja terpilih sebagai salah seorang pelajar tajaan PNB. “Saya berjanji tidak akan mensia-siakan peluang yang diperoleh ini kerana saya tahu ramai lagi rakan sebaya cemerlang lain yang ingin mendapatkan peluang yang sama.” Anak kelahiran Kampung Olak Lempit, Banting, Selangor dan bekas pelajar MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin, Melaka ini memilih untuk mengikuti pengajian Kejuruteraan Awam di

Universiti College London, United Kingdom, kerana percaya bidang ini mempunyai prospek yang cerah untuk kerjaya masa depannya.

Turut akan mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan adalah **Afiq Nor Kamil**, yang memilih pengkhususan Kejuruteraan Mekanikal di University of Manchester, United Kingdom. Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Utama, Petaling Jaya ini, melahirkan rasa syukur kerana dapat merealisasikan impiannya dan keluarga untuk melanjutkan pelajaran di luar negara. Menurut Afiq untuk mendapat peluang tajaan biasiswa PNB, seperti pelajar lain, dia perlu bertungkus-lumus dalam pembelajaran bagi memperoleh kecemerlangan akademik. “Saya berbangga kerana mendapat tajaan PNB yang merupakan organisasi pelaburan utama negara. Saya juga gembira selain mendapat tajaan, saya akan berpeluang berkhidmat dengan PNB setelah lulus pengajian nanti,” tambah Afiq.

Sejak dilancarkan, Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB (1996) dan Anugerah Biasiswa Perdana YTI (2000) telah menaja seramai 425 pemegang biasiswa PNB dengan nilai biasiswa berjumlah hampir RM159 juta.

Selain daripada teras Pendidikan, aktiviti CSR PNB juga menumpukan tiga lagi teras iaitu Literasi Kewangan (*Financial Literacy*), Pembangunan Komuniti (*Community Upliftment*) dan Inisiatif Perkongsian Ilmu (*Knowledge Sharing Initiative*) yang bertujuan untuk memenuhi keperluan komuniti dan masyarakat dalam usaha PNB untuk mencipta nilai sosial bersama.

- *Tamat* -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad